KATA GANTI NAMA

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Ayah, _____ mendapat tempat yang pertama dalam peperiksaan," kata Wani dengan gembira.
A saya C engkau
B aku D kamu

2. Ahmad murid yang berdisiplin. _____ sentiasa mematuhi peraturan di sekolah.
A Mereka C Dia
B Baginda D Beliau

3. Datuk Rosli ialah pegawai daerah di kawasan itu. _____ telah menderma wang sebanyak enam ribu ringgit untuk membina balai raya itu.
A Patik C Beliau
B Dia D Mereka

4. Menurut para peserta ekspedisi itu, _____ akan tiba di puncak Gunung Tahan pada tengah hari ini.
A kamu C mereka
B kita D dia

5. "_____ mesti sentiasa menjaga nama baik kampung ini," kata ketua kampung kepada anak buahnya.
A Saya C Ia
B Beta D Kita

6. "Betulkah Pak Cik Cheong itu datuk _____ ?" tanya Chitra kepada Soo.
A awak C kami
B mereka D encik

7. "_____ hendak pergi berkelah di Air Terjun Sekayu," kata Ah Meng dan Raju kepada Badrul.
A Engkau C Saudara
B Tuanku D Kami

8. Sultan Ahmad berasa sangat sedih kerana puteri _____ diserang penyakit ganjil.
A patik C dia
B baginda D nya

9. "Janganlah _____ dihukum, tuanku," rayu tukang masak istana kepada Sultan Azlan.
A hamba C saya
B aku D beta

LIVEWORKSHEETS

10. “Bilakah _____ sampai?” tanya Encik Lim kepada kawannya.
A kita C cik
B engkau D dia

11. Yoke Meng berasa gelisah kerana terlupa membawa buku latihan Bahasa Malaysia_____.
A dia C baginda
B ia D -nya

12. “_____ mesti belajar bersungguh-sungguh supaya dapat melanjutkan pelajaran ke universiti,” pesan Cikgu Nizam kepada Arjun.
A Aku C Beliau
B Kamu D Dia

13. “_____mesti sampai ke tempat itu sebelum senja,” kata Sani kepada rakanrakannya.
A mereka C kita
B kami D di

14. “Ampun _____, memang benar kata-kata bendahara itu,” sembah Temenggung Ibrahim kepada Sultan Mahmud.
A tuanku C beta
B baginda D patik

15. “Sila keluarkan buku latihan _____ sekarang”, kata Cikgu Azhar kepada murid kelas Lima Setia.
A Kami C Kita
B Kalian D Engkau

16. Anis dan Aida melawat David yang sedang sakit. _____ membawa buah tangan untuknya.
A Kamu C Mereka
B Kalian D Kami

17. _____ menangis kerana perutnya sakit.
A Dia C Baginda
B Ia D Beta

18. “_____ sudah makan atau belum?” tanya Harun pada adiknya.
A Kamu C Kita
B Dia D Kalian

19. “Wahai Tuhan,kepada_____ kusandarkan harapan,”ujar Salim dalam doanya.
A Engkaulah C Dialah
B Bagindalah D Andalah

LIVEWORKSHEETS

20. Tahniah, _____telah berjaya dalam pertandingan syarahan itu.

A Awak C Baginda

B Dia D Beliau

LIVEWORKSHEETS